

personaliti

Bantu jana pendapatan penduduk kampung

➔ Muhammad Alif aktif dalam kesukarelawanan sejak menjajkan kaki ke menara gading

profil

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Muhammad Alif Mahiddin

➔ Asal: Pasir Gudang, Johor
➔ Tarikh Lahir: 30 Julai 1994
➔ Tempat Lahir: Johor Bahru

- ➔ Adik Beradik: Dua orang
Pencapaian:
- Anugerah Perak - Pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi (ITREX) 2018.
 - Anugerah Pelajar Khidmat Komuniti Terbaik - Majlis Anugerah Kokurikulum & Sanjungan Pelajar 2017 UMP
 - Anugerah Perak - Kongres Duta Jauhar 3.0
 - Anugerah Gangsa - Kongres Duta Jauhar 2.0

Semangat kesukarelawanan perlu dipupuk pada peringkat awal dalam diri setiap mahasiswa sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran secara tidak formal selain usaha untuk memantapkan diri. Demikian pandangan mahasiswa jurusan Ijazah Sarjana Muda

Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Muhammad Alif Mahiddin, 24, mengenai aktiviti kesukarelawanan yang diceburinya sejak menjajkan kaki ke menara gading.

"Sebagai mahasiswa kita harus melengkapkan diri dengan ilmu yang bukan sahaja ditimba melalui kuliah sangat penting dalam membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunia luar selain dapat mengajjar erti kehidupan sebenar.

"Mahasiswa mampu menjadi contoh terbaik kepada masyarakat dan saya berpendapat program kesukarelawanan mampu melahirkan mahasiswa yang lebih bertanggungjawab dan berhadapan cabaran semasa," katanya.

Anak kelahiran Pasir Gudang Johor itu berkata, aktiviti luar kuliah sangat penting dalam membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunia luar selain dapat mengajjar erti kehidupan sebenar.

Teri bimbingan

Beliau bertuah apabila pihak universiti janya banyak menganjurkan program khidmat sosial dalam menjayakan inisiatif MyGift dan Universiti Komuniti yang memperkakan peluang sehalus-luasnya buat mahasiswa untuk terabit dalam dunia kesukarelawanan.

Bagi Muhammad Alif, kesibukan menghadapi kuliah dan projek penyelidikan tidak menghalangnya terabit dengan aktiviti khidmat komuniti.

Katanya, antara pengalaman berharga yang diperolehi sepanjang menyertai program kesukarelawanan ini ialah apabila berpeluang mengetuai program *Community Economic Development Program (CEDP)*.

"Melalui program ini, kumpulan saya membantu memberi bimbingan, galakan dan motivasi terha-

dap golongan muafaf di Kampung Sepinang. Segamat melalui aktiviti penanaman Gendawan Valvarriella sehingga mampu mengubah kehidupan keluarga mereka.

"Usaha ini bukan sahaja menjana pendapatan untuk penduduk kampung malah memberi pendedahan kepada mereka mengenai ilmu pertanian dan perniagaan sehingga mereka mampu menjualnya di kedai makan, orang perseorangan serta pemborong luar," katanya.

Impak program

Beliau berkata, impak program itu dapat dilihat apabila mahasiswa berjaya membantu dalam meningkatkan kemahiran dan pendapatan golongan muafaf berkenaan dan secara tidak langsung memberi kesan positif kepada masyarakat.

"Saya juga pernah menyertai Kem Interaksi Pemimpin Muda, Projek Kilauan Mutiara, Program Kecemerlangan Perintis Muda Pahang serta program *Global Student Outreach* ke Thailand dan Jepan.

"Meskipun kadangkala aktiviti kesukarelawanan ini memerlukan pengorbanan, terutama dari segi cuti semester, namun ia tidak menghalang saya untuk meneruskan minat dalam usaha membantu golongan yang memerlukan," katanya.



Muhammad Alif menerima Anugerah Pelajar Khidmat Komuniti Terbaik sempena Majlis Anugerah Kokurikulum & Sanjungan Pelajar 2017 UMP.



Muhammad Alif (berdiri tiga dari kanan) bersama (berdiri 3 dari kanan) Kumpulan Duta Jauhar UMP yang memenangi Anugerah Perak sempena Kongres Duta Jauhar 3.0 tahun lalu.